



Nestlé®

Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).
2. <u>Promosi:</u>	PERADUAN MAGGI KONGSI REZEKI, KONGSI MERIAH.
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 01/01/2024 dan ditutup jam 23:59:59 pada 29/02/2024.
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini terbuka kepada semua individu penduduk Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di Malaysia. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <u>Produk Turut Serta, Produk Pendorong:</u>	<p>a. Sila rujuk senarai MAGGI yang turut serta ["Produk"] yang ditunjukkan di laman web Promosi: https://nestlemalaysia.qualifioapp.com/quiz/1331717_2862/Peraduan-Kongsi-Rezeki-Kongsi-Meriah-CNY-2024-.html.</p> <p>b. Untuk menyertai Promosi, beli minima Ringgit Malaysia Lapan (RM8) mana-mana campuran Produk dalam satu resit asal daripada mana-mana outlet dalam kedai dan outlet dalam talian ("Resit") dan/atau inuis atau tangkapan skrin pesanan daripada mana-mana platform dalam talian ("Inuis") semasa Tempoh Promosi ("secara kolektif dirujuk sebagai Bukti Pembelian").</p> <p>c. <u>Resit Outlet di Dalam Kedai:</u></p> <p>i. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem <i>point-of-sale</i> outlet untuk pembelian dalam kedai. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo kedai di mana pembelian dibuat.</p> <p>ii. Resit mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk, nombor Resit dan nama dan/atau logo outlet ("Butiran Resit").</p> <p>d. <u>Inuis Peniaga Dalam Talian:</u></p> <p>i. Inuis boleh didapati dalam bentuk tangkapan skrin inuis dan/atau pesanan untuk pembelian dalam talian daripada mana-mana peniaga dalam talian. Inuis mesti mengandungi nama dan/atau logo peniaga dalam talian di mana pembelian dalam talian dibuat. Untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau rebat dan/atau baucar diskaun</p>

dan/atau baucar penghantaran dan/atau sebarang diskaun lain, jumlah bayaran terakhir Produk mestilah jumlah pembelian minima dan ke atas untuk layak.

- ii. Invois juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, pesanan dan/atau nombor invois, dan nama dan/atau logo peniaga dalam talian (“Butiran Invois”).
- e. Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri berdasarkan jumlah pembelian seperti yang dinyatakan dalam Resit yang diserahkan. Untuk setiap Ringgit Malaysia Lapan (RM8), Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri dan maksima sehingga sepuluh (10) nombor bersiri. Sebarang jumlah baki akan dilucutkan sebaik sahaja nombor bersiri maksima bagi setiap Resit telah diperuntukkan. Sila rujuk kepada contoh di bawah:
- Contoh:
- i. Jika anda membeli Produk berjumlah RM15.50 dalam satu Resit semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri.
 - ii. Jika anda membeli Produk berjumlah RM110.50 dalam satu Resit semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan maksima sepuluh (10) nombor bersiri sahaja.
- f. Untuk sebarang Resit yang diserahkan yang termasuk pembelian mana-mana satu (1) Produk Pendorong, Penganjur akan menambah satu (1) nombor bersiri untuk setiap Produk Pendorong, maksima sehingga lima (5) nombor bersiri tambahan kepada Resit anda. Sebarang jumlah baki akan dilucutkan sebaik sahaja nombor bersiri maksima bagi setiap Resit telah diperuntukkan. Sila rujuk kepada Produk Pendorong dan contoh di bawah:
- i. MAGGI Kiub Kari 20g,
 - ii. MAGGI Kiub Kari 60g,
 - iii. MAGGI Sambal Tumis 30g,
 - iv. MAGGI Sambal Tumis 60g,
 - v. MAGGI Pes Perapan Ayam Goreng Berempah 100g,
 - vi. MAGGI Pes Perapan Ayam Percik 100g,
 - vii. MAGGI Mi Goreng Cili Ala Kampung 5x77g,
 - viii. MAGGI Mi Goreng Laksa Warisan 5x78g,
 - ix. MAGGI® Pedas Giler Cheezy Berapi 94g, dan
 - x. MAGGI® Hotmealz Goreng Cili Kampung Goreng 94g.
- Contoh:
- i. Jika anda membeli Produk berjumlah RM15.50, termasuk satu (1) Produk Pendorong dalam satu Resit semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri TAMBAH satu (1) nombor bersiri tambahan, berjumlah dua (2) nombor bersiri.
 - ii. Jika anda membeli Produk berjumlah RM110.50, termasuk tujuh (7) Produk Pendorong dalam satu Resit semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan maksima sepuluh (10) nombor bersiri TAMBAH maksima lima (5) nombor bersiri tambahan, berjumlah lima belas (15) nombor bersiri.

	<p>g. Terdapat dua (2) kaedah penyertaan dalam Promosi iaitu sama ada melalui Laman Web atau melalui Pos. Semua kaedah penyertaan lain akan dibatalkan. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka inginkan namun setiap Bukti Pembelian HANYA layak untuk satu (1) penyertaan Laman Web ATAU satu (1) penyertaan Pos. Penganjur berhak membatalkan mana-mana Bukti Pembelian dengan butiran tidak lengkap, dicetak semula, berganda, tidak boleh dibaca, tidak jelas dan rosak. Semua Bukti Pembelian yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa pemberitahuan lanjut kepada Peserta.</p>
<p>6. <u>Kaedah Penyertaan melalui Laman Web:</u></p>	<p>a. <u>Penyerahan Penyertaan melalui Laman Web Promosi:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> i. Lawati Laman Web Promosi: https://nestlemalaysia.qualifioapp.com/quiz/1331717_2862/Peraduan-Kongsi-Rezeki-Kongsi-Meriah-CNY-2024-.html atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi di Outlet yang turut serta. ii. Lengkapkan borang web dan lengkapkan semua butiran peribadi yang diperlukan termasuk nombor mudah alih berdaftar di Malaysia yang serasi dengan WhatsApp untuk komunikasi selanjutnya (“Butiran Peribadi”). iii. Tangkap satu (1) gambar/imej <u>jelas dan boleh dibaca</u> dalam format jpg atau jpeg atau png Bukti Pembelian yang lengkap dengan Butiran Bukti Pembelian (“Imej”). iv. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Bukti Pembelian sahaja dan fail Imej mesti kurang daripada 5MB. v. Muat naik Imej pada borang web dan hantar (“Penyertaan”). vi. Penganjur akan auto-balas dengan menghantar laporan perakuan penerimaan untuk setiap Penyertaan yang diterima. <p>b. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya, pengesahan dan kelayakan. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Butiran Peribadi tidak lengkap, tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau mengandungi lebih daripada satu (1) Imej Bukti Pembelian. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa pemberitahuan lanjut kepada Peserta.</p> <p>c. Penganjur berhak untuk meminta Bukti Pembelian asal (salinan cetak) sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Bukti Pembelian apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.</p>
<p>7. <u>Kaedah Penyertaan melalui Pos:</u></p>	<p>a. <u>Penyerahan Penyertaan melalui Pos:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> i. Lengkapkan satu (1) Borang Penyertaan Promosi (“Borang”) dengan butiran yang diperlukan iaitu nama penuh, nombor pengenalan dan nombor telefon mudah alih (WhatsApp diaktifkan) dan sertakan satu (1) Bukti Pembelian (Resit atau Invois).

	<p>ii. <u>Melalui Pos</u>: Borang yang telah lengkap diisi bersama dengan satu (1) Bukti Pembelian hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dipos melalui pos biasa sahaja ke alamat Peti Surat yang dinyatakan dalam Borang (“Penyertaan Pos”): PERADUAN MAGGI KONGSI REZEKI, KONGSI MERIAH OMNITEAM SDN BHD P. O. BOX 8363 PEJABAT POS KELANA JAYA 46788 PETALING JAYA</p> <p>b. Penganjur akan mengisih semua Penyertaan Pos yang diterima untuk proses selanjutnya, pengesahan dan kelayakan. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Borang dengan Butiran Peribadi tidak lengkap, tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau mengandungi lebih daripada satu (1) Bukti Pembelian. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa pemberitahuan lanjut kepada Peserta.</p>								
<p>8. <u>Outlet Eksklusif:</u></p>	<p>a. Bagi peserta dengan pembelian dari mana-mana Outlet Eksklusif yang disenaraikan di bawah, mereka layak memenangi hadiah <u>tambahan</u>.</p> <p>b. Outlet-outlet Eksklusif adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. LOTUS’S, ii. ECONSAVE, and iii. 99SPEEDMART <p>c. Hadiah Outlet Eksklusif adalah eksklusif untuk semua peserta yang menghantar Penyertaan mereka dengan Resit Outlet Eksklusif. Sila rujuk Klausula 14 hingga Klausula 19.</p>								
<p>9. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 29/02/2024. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.</p>								
<p>10. <u>Hadiah Mingguan:</u></p>	<p>a. Terdapat lapan puluh lapan (88) Hadiah Mingguan dalam bentuk sebuah Airfryer RUSSELL TAYLORS bernilai RM399 setiap satu untuk dimenangi setiap minggu selama lapan (8) minggu berturut-turut. Secara keseluruhan, terdapat tujuh ratus empat (704) Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>b. Kumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh penyerahan dan lapan (8) tempoh mingguan adalah seperti di bawah:</p> <table data-bbox="459 1823 1366 1975"> <tr> <td>Minggu 1 : 01/01 – 07/01/2024</td> <td>Minggu 2 : 08/01 – 14/01/2024</td> </tr> <tr> <td>Minggu 3 : 15/01 – 21/01/2024</td> <td>Minggu 4 : 22/01 – 28/01/2024</td> </tr> <tr> <td>Minggu 5 : 29/01 – 04/02/2024</td> <td>Minggu 6 : 05/02 – 11/02/2024</td> </tr> <tr> <td>Minggu 7 : 12/02 – 18/02/2024</td> <td>Minggu 8 : 19/02 – 29/02/2024</td> </tr> </table>	Minggu 1 : 01/01 – 07/01/2024	Minggu 2 : 08/01 – 14/01/2024	Minggu 3 : 15/01 – 21/01/2024	Minggu 4 : 22/01 – 28/01/2024	Minggu 5 : 29/01 – 04/02/2024	Minggu 6 : 05/02 – 11/02/2024	Minggu 7 : 12/02 – 18/02/2024	Minggu 8 : 19/02 – 29/02/2024
Minggu 1 : 01/01 – 07/01/2024	Minggu 2 : 08/01 – 14/01/2024								
Minggu 3 : 15/01 – 21/01/2024	Minggu 4 : 22/01 – 28/01/2024								
Minggu 5 : 29/01 – 04/02/2024	Minggu 6 : 05/02 – 11/02/2024								
Minggu 7 : 12/02 – 18/02/2024	Minggu 8 : 19/02 – 29/02/2024								

<p>11. <u>Maklumat Pengadilan - Hadiah Mingguan:</u></p>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan, Penganjur akan menggabungkan semua Penyertaan Laman Web dan Penyertaan Pos dan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya setiap minggu, sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan Resit yang dikemukakan (masing-masing adalah "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan Layak"). Untuk setiap Penyertaan Layak yang diterima, Penganjur hanya akan memperuntukkan sehingga maksima sepuluh (10) nombor bersiri dan akan memasukkan nombor bersiri pengganda tambahan, jika layak. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ("Jumlah Penyertaan Layak"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak bagi minggu tersebut ialah 4485, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. Pemilihan mingguan lapan puluh lapan (88) Finalis Hadiah Mingguan: $4485 \div 88 = 50.97$. Oleh sebab pembahagian 4485 dengan 88 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 50.97 akan dibundarkan ke bawah kepada 50. 88 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak minggu tersebut yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 50*, 100*, 150*, 200, 250, 300, 350, dan seterusnya. (*contoh pengiraan: 50, $50+50=100$, $100+50=150$).</p>
<p>12. <u>Hadiah Utama:</u></p>	<p>a. Hadiah Utama untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi adalah seperti di bawah:</p> <p>i. Empat (4) Hadiah Utama adalah dalam bentuk wang tunai RM8888 setiap satu.</p> <p>ii. Sembilan (9) Hadiah Kedua adalah dalam bentuk wang tunai RM888 setiap satu.</p>
<p>13. <u>Maklumat Pengadilan - Hadiah Utama:</u></p>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Utama, semua Penyertaan Layak yang dikumpulkan dan diproses oleh Penganjur semasa proses pemilihan Finalis mingguan dan sepanjang Tempoh Promosi secara berasingan akan diperuntukkan satu set nombor bersiri bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Di akhir tempoh promosi, nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ("Jumlah Penyertaan Layak"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak ialah 30005, Penganjur akan mengira dan memilih finalis Hadiah Utama berdasarkan berikut:</p> <p>i. Pemilihan empat (4) Finalis Hadiah Utama: $30005 \div 4 = 7501.25$. Oleh sebab pembahagian 30005 dengan 4 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 7501.25 akan dibundarkan ke bawah kepada 7501. 4 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor</p>

	<p>bersiri berikut akan dipilih: 7501*, 15002* 22503* dan 30004. [*contoh pengiraan: 7501, $7501+7501=15002$, $15002+7501=22503$].</p> <p>ii. Pemilihan sembilan (9) Finalis Hadiah Kedua: $30005 \div 9 = 3333.88$. Oleh sebab pembahagian 30005 dengan 9 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 3333.88 akan dibundarkan ke bawah kepada 3333. 9 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 3333*, 6666*, 9999*, 13332, 16665 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: 3333, $3333+3333=6666$, $6666+3333=9999$].</p>
14. <u>Hadiah Outlet Eksklusif LOTUS'S:</u>	a. Terdapat dua ratus lima puluh [250] Hadiah Outlet Eksklusif LOTUS'S yang terdiri daripada BAUCAR LOTUS'S bernilai RM100 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.
15. <u>Maklumat Pengadil - Hadiah Outlet Eksklusif LOTUS'S:</u>	<p>a. Untuk memilih Finalis Hadiah Outlet Eksklusif LOTUS'S, SEMUA <u>Penyertaan Layak dengan Resit LOTUS'S</u> dikumpulkan dan diproses semasa proses pemilihan pemenang mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan Resit LOTUS'S yang dikemukakan [masing-masing adalah "Penyertaan Layak LOTUS'S " dan secara kolektif "Penyertaan Layak LOTUS'S "]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak LOTUS'S bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak LOTUS'S akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak LOTUS'S ["Jumlah Penyertaan Layak LOTUS'S"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak LOTUS'S ialah <u>4758</u> Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. Pemilihan dua ratus lima puluh [250] Finalis Hadiah Outlet Eksklusif LOTUS'S: $4758 \div 250 = 19.04$. Oleh sebab pembahagian 4758 dengan 250 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 19.04 akan dibundarkan ke bawah kepada <u>19</u>. 250 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak LOTUS'S yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 19*, 38*, 57*, 76, 95 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: <u>19</u>, $19+19=38$, $38+19=57$].</p>
16. <u>Hadiah Outlet Eksklusif ECONSAVE:</u>	a. Terdapat dua ratus [200] Hadiah Outlet Eksklusif ECONSAVE yang terdiri daripada BAUCAR ECONSAVE bernilai RM100 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.
17. <u>Maklumat Pengadil - Hadiah Outlet Eksklusif ECONSAVE:</u>	a. Untuk memilih Finalis Hadiah Outlet Eksklusif ECONSAVE, SEMUA <u>Penyertaan Layak dengan Resit ECONSAVE</u> dikumpulkan dan diproses semasa proses pemilihan pemenang mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan Resit ECONSAVE yang dikemukakan [masing-masing adalah

	<p>"Penyertaan Layak ECONSAVE" dan secara kolektif "Penyertaan Layak ECONSAVE"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak ECONSAVE bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak ECONSAVE akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ECONSAVE ["Jumlah Penyertaan Layak ECONSAVE"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak ECONSAVE ialah <u>4270</u> Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. Pemilihan dua ratus [200] Finalis Hadiah Outlet Eksklusif ECONSAVE: $4270 \div 200 = 21.35$. Oleh sebab pembahagian 4270 dengan 200 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 21.35 akan dibundarkan ke bawah kepada <u>21</u>. 200 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak ECONSAVE yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 21*, 42*, 63*, 84, 105 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: <u>21</u>, $21+21=42$, $42+21=63$].</p>
<p>18. <u>Hadiah Outlet Eksklusif 99Speedmart:</u></p>	<p>a. Terdapat tiga ratus tiga puluh enam [336] Hadiah Outlet Eksklusif 99Speedmart berupa Set Alat Memasak bernilai RM599 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>19. <u>Maklumat Pengadilan - Hadiah Outlet Eksklusif 99Speedmart:</u></p>	<p>a. Untuk memilih Finalis Hadiah Outlet Eksklusif 99Speedmart, SEMUA <u>Penyertaan Layak dengan Resit 99Speedmart</u> dikumpulkan dan diproses semasa proses pemilihan pemenang mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan Resit 99Speedmart yang dikemukakan [masing-masing adalah "Penyertaan Layak 99Speedmart " dan secara kolektif "Penyertaan Layak 99Speedmart"]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak 99Speedmart bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak 99Speedmart akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak 99Speedmart ["Jumlah Penyertaan Layak 99Speedmart"]. Andainya Jumlah Penyertaan Layak 99Speedmart ialah <u>3561</u> Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. Pemilihan tiga ratus tiga puluh enam [336] Finalis Hadiah Outlet Eksklusif 99Speedmart: $3561 \div 336 = 10.59$. Oleh sebab pembahagian 3561 dengan 336 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 10.59 akan dibundarkan ke bawah kepada <u>10</u>. 336 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak 99Speedmart yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 10*, 20*, 30*, 40, 50, 60, 70 dan seterusnya. [*contoh pengiraan: <u>10</u>, $10+10=20$, $20+10=30$].</p>
<p>20. <u>Terma Tambahan:</u></p>	<p>a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih melalui WhatsApp dari 6018 388 2199 ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam</p>

Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.

- b. Setiap peserta hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi:
 - i. Satu (1) Hadiah Mingguan setiap minggu, maksima sehingga dua (2) Hadiah Mingguan),
 - ii. Satu (1) Hadiah Utama dengan nilai tertinggi,
 - iii. Satu [1] Hadiah Eksklusif LOTUS'S,
 - iv. Satu [1] Hadiah Eksklusif ECONSAVE, dan
 - v. Satu [1] Hadiah Eksklusif 99Speedmart.
- c. Semua Pemenang MESTI memberikan butiran peribadi lengkap mereka apabila diminta. Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah mereka jika Pemenang gagal memberikan butiran penuh mereka atas permintaan.
- d. Semua Pemenang Hadiah Utama akan menerima cek yang perlu dibayar ke atas nama mereka melalui kurier dalam tempoh 6 hingga 8 minggu dari tarikh tutup Promosi ke alamat yang diberikan oleh Pemenang.
- e. Semua Hadiah Mingguan akan dihantar kepada Pemenang dalam tempoh 6 – 8 minggu dari tarikh tutup Promosi ke alamat yang diberikan oleh Pemenang.
- f. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebab-sebab di luar kawalan Penganjur. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditentukan oleh Penganjur akan dibatalkan.
- g. Pihak Penganjur mengekalkan hak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia.
- h. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di: https://nestlemalaysia.qualifioapp.com/quiz/1331717_2862/Peraduan-Kongsi-Rezeki-Kongsi-Meriah-CNY-2024-.html, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan

bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) Tiket Acara:

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) Hadiah Pelancongan/Percutian:

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.

6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.

6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelekt

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetujui segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm.
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.